

03 APR 2000

Mahathir-Pilihan raya

PERUNDANGAN PILIHAN RAYA MUNGKIN DIPINDA

KUALA LUMPUR, 3 April (Bernama) -- Kerajaan akan mengkaji kemungkinan meminda perundangan pilihan raya jika perlu bagi mencegah tindakan liar penyokong parti politik semasa berkempen, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Beliau berkata ini berikutan tindakan penyokong-penyokong PAS yang dilaporkan melanggar pelbagai undang-undang termasuk kegiatan memprovokasi dan mengadakan kempen selepas pukul 12 tengah malam semasa pilihan raya kecil dewan undangan negeri Sanggang.

Presiden Umno itu berkata demikian pada persidangan media selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi Umno di ibu pejabat parti di sini yang menumpukan kepada pilihan raya kecil itu.

Menjawab soalan kemungkinan Akta Pilihanraya yang sedia ada dipinda, beliau berkata : "Ianya mungkin perlu tapi yang pentingnya ialah penguatkuasaan."

"Kita akan buat laporan kepada kabinet dan kalau ada cadangan-cadangan daripada kabinet yang bernas maka kita akan kemukakan kepada SPR. Jika diperlukan kita akan memperkenalkan undang-undang baru," katanya.

Beliau berpendapat jika perkara ini dibiarkan berterusan pasti akan berlaku pertempuran antara parti Umno dan Barisan Nasional dengan parti pembangkang ini yang cuba dengan cara fizikal untuk menentukan calon BN kalah.

Katanya penyokong parti pembangkang begitu ramai membanjiri kawasan DUN Sanggang dan mereka datang dengan jelas untuk menggugut pengundi-pengundi.

"Kita dapati bahawa di kawasan Cina yang mana kemungkinan mereka akan mengundi BN, mereka meletakkan kereta sehingga menyebabkan kesesakan lalulintas dan berkumpul begitu ramai sehingga pada sebelah pagi hanya 25 peratus sahaja pengundi yang berani keluar kerana mereka takut akan ada pertempuran dan sebagainya," kata Dr Mahathir.

Beliau berkata keadaan yang sama juga berlaku kepada pengundi berketurunan India yang juga ditakutkan oleh penyokong parti PAS.

Katanya boleh dikatakan seramai 30,000 penyokong parti membanjiri Sanggang iaitu pada purata tiga penyokong pembangkang untuk setiap pengundi, sehingga mereka menghalang jalan masuk ke tempat mengundi.

Ini menyebabkan polis terpaksa memasang kawat duri untuk memberi laluan kepada para pengundi masuk mengundi, kata beliau.

Dr Mahathir berkata mereka membuat bermacam-macam ugutan termasuk menyebut perkataan lucah terhadap orang Umno.

"Tetapi walaupun mereka telah menghalang perjalanan pengundian, pengundian dapat diadakan juga.

"Kita berasa amat kesal kerana mengikut undang-undang tidak boleh diadakan sebarang kempen selepas jam 12 pada malam sebelum hari mengundi tetapi didapati mereka terus berkempen sehinggalah pada hari mengundi dengan cara membawa lambang (bendera) dan tarik orang dan sebagainya," kata beliau.

Kata Dr Mahathir, "keadaan dapat dikawal kerana ini merupakan pilihan raya kecil tetapi pada masa pilihan raya umum tentulah kawalan lebih lemah lagi... jadi kita perlu cari jalan supaya kita dapat mengawal dengan cara yang berkesan."

Bagimanapun, kata Dr Mahathir, BN menang dan mendapat sokongan daripada rakyat dengan lebih undi yang bertambah dan PAS mendapat undi yang kurang daripada tahun 1999.

"Kita akan mengadakan susulan untuk menentukan perkara yang semacam ini tidak akan berlaku pada masa akan datang...kita mempunyai penuh bukti dengan bentuk gambar-gambar mengenai kelakuan orang-orang PAS dan bilangan mereka," kata beliau.

Dr Mahathir berkata Majlis Tertinggi telah berbincang tentang masalah penyalahgunaan agama yang sekali lagi timbul di Sanggang bagi mencari jalan berkesan untuk menghalang penyalahgunaan agama untuk kepentingan parti politik.

Mengenai dakwaan Menteri Besar Terengganu Haji Abdul Hadi Awang bahawa Umno menang di Sanggang kerana politik wang, Perdana Menteri berkata PAS selalunya melemparkan fitnah dan pembohongan tanpa alasan apa-apapun.

Beliau berkata pihak pembangkang telah membelanjakan wang yang banyak untuk kempen mereka termasuk membawa 30,000 penyokong ke Sanggang hampir setiap masa.

"Tentu dia belanja wang yang lebih daripada yang dibenarkan oleh undang-undang... saya tidak tahu sama dia hulur duit pada orang ataupun tidak... saya tidak hendak buat tuduhan kerana saya tidak dapat maklumat yang penuh."

"Saya meminta Yang Amat Berhormat Menteri Besar Terengganu buktikan kononnya kita gunakan wang dan macam mana kita gunakan wang," kata beliau.

-- BERNAMA

RV GM RON LAT